

PROMOSI DEPOSIT TETAP GABUNGAN DENGAN AKAUN SEMASA ATAU SIMPANAN

Dikemaskini pada 6 Julai 2022

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap Gabungan dengan Akaun Semasa atau Simpanan” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 01 Julai 2022 dan berakhir pada 30 September 2022, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai Had Saiz Dana seperti yang ditakrifkan dalam **Klausa 14** di bawah mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“T&S”):

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu dan sedia ada yang merupakan individu atau bukan individu warga Malaysia dan individu atau bukan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
- Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - Pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang produk dengan HLB/HLISB sebelum Tempoh Promosi;
 - Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang produk dengan HLB/HLISB sebelum Tempoh Promosi; dan
 - Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan badan korporat**.
- Akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i sertaan (“**FD/FD-i**”) (**Akaun FD/FD-i Sertaan**) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
 - FD Konvensional/FD-i; dan
 - ‘Priority Banking Premium FD’.
- Akaun Semasa atau Akaun Simpanan sertaan (“**Akaun CASA/CASA-i Sertaan**”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
 - Akaun Simpanan Asas Hong Leong;
 - Akaun Simpanan Asas Hong Leong-i;
 - Akaun Simpanan Hong Leong;
 - Akaun Simpanan Hong Leong-i;
 - Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - Akaun Pay&Save Hong Leong;
 - Akaun Pay&Save Hong Leong-i; dan
 - Akaun Top Yield Hong Leong.
- Promosi ini sah bagi dana baharu sahaja. “**Dana Baharu**” ditakrifkan sebagai:
 - Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“**FPX**”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaan atau Akaun CASA/CASA-i Sertaan dimiliki oleh Pelanggan; dan
 - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun CASA/CASA-i Sertaan Pelanggan.
- Yang berikut **TIDAK** boleh dianggap sebagai “Dana Baharu”:
 - FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD/FD-i yang sedia ada;
 - Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

7. Untuk tujuan Promosi ini, Dana Baharu mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan Pelanggan **dalam tempoh tujuh (7) hari dari ketersediaan Dana Baharu.**
8. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana T&S yang terkandung didalam Terma dan Syarat Umum Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan terma dan syarat yang berkenaan dengan Akaun CASA/CASA-i dan FD/FD-i Sertaan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
9. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.
10. Promosi ini **TIDAK** disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

11. Untuk menikmati kadar promosi FD/FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan perlu semasa Tempoh Promosi:
 - (a) deposit amount yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ke dalam salah satu Akaun FD/FD-i Sertaan dengan tempoh 12-bulan. Amaun yang perlu di depositkan mesti tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000)** (“**Amaun Peletakan Minimum**”) dan tidak melebihi **Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10,000,000)** (“**Amaun Peletakan Maksimum**”) dan deposit tersebut bermaksud “**Amaun Peletakan FD/FD-i**”; dan
 - (b) deposit amount yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ke dalam salah satu CASA/CASA-i Sertaan atas nama Pelanggan dan tandatangan dikehendaki sebagai Akaun Sertaan FD/FD-i (“**CASA Namaan**”) dengan peruntukan selama dua belas (12) bulan berturut-turut (“**Tempoh Peruntukan**”). Deposit tersebut bermaksud “**Amoun Peletakan CASA/CASA-i**”. Amaun Peletakan CASA/CASA-i sedemikian hendaklah mempunyai tempoh peruntukan selama dua belas (12) bulan berturut-turut (“**Tempoh Peruntukan**”) di mana tiada pengeluaran Amaun Peletakan CASA/CASA-i dibuat.

12. Peletakan dan peruntukkan CASA/CASA-i hendaklah dibuat serentak dengan Peletakan FD/FD-i semasa Tempoh Promosi. Jika Peletakan CASA/CASA-i dan/atau Peletakan FD/FD-i dibatalkan, dikeluarkan (sebahagian atau sepenuh) atau dilepaskan dalam Tempoh Peruntukan dan/atau dalam Tempoh FD/FD-i atas apa jua sebab (kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah klausa 19, 20, 21 dan 22 di dalam ini), maka kadar semasa FD/FD-i Konvensional akan digunapakai bagi keseluruhan Peletakan FD/FD-i.

Jadual 1

Produk	Tempoh FD/FD-i	Kadar Promosi FD/FD-i ¹	Amaun Peletakan	Kadar Efektif ²				
				Pay&Save ³	Simpanan Harvest	Simpanan Biasa	Simpanan Asas	Top Yield
FD Konvensional/ FD-i, dan 'Priority Banking Premium FD'	12 bulan	3.50% setahun	FD/FD-i RM100,000 dan CASA/CASA-i RM30,000	3.07% setahun	2.75% setahun	2.69% setahun	2.75% setahun	2.76% setahun
			FD/FD-i RM200,000 dan CASA/CASA-i RM60,000	3.07% setahun	2.75% setahun	2.69% setahun	2.75% setahun	2.76% setahun
			FD/FD-i RM500,000 dan CASA/CASA-i RM150,000	2.95% setahun	2.75% setahun	2.72% setahun	2.75% setahun	2.76% setahun
			FD/FD-i RM1mil dan CASA/CASA-i RM300,000	2.82% setahun	2.84% setahun	2.72% setahun	2.75% setahun	2.76% setahun
			FD/FD-i RM2mil dan CASA/CASA-i RM600,000	2.76% setahun	2.84% setahun	2.72% setahun	2.75% setahun	2.76% setahun
			FD/FD-i RM5mil dan CASA/CASA-i RM1.50mil	2.72% setahun	2.84% setahun	2.72% setahun	2.75% setahun	2.78% setahun
			FD/FD-i RM10mil dan CASA/CASA-i RM3mil	2.71% setahun	2.84% setahun	2.72% setahun	2.75% setahun	2.88% setahun

¹ Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah promosi akan disemak.

² Kadar Efektif berbeza mengikut Amaun Peletakan FD/FD-i, Amaun Peletakan CASA/CASA-i dan jenis CASA/CASA-i Namaan. Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar efektif akan disemak.

³ Bagi kelayakan untuk mendapat faedah/kuntungan simpanan Pay&Save/Pay&Save-i, Pelanggan perlu meletakkan deposit RM2,000 dalam transaksi tunggal ke dalam Akaun Pay&Save/Pay&Save-i setiap bulan berturut-turut semasa Tempoh Peruntukan, tertakluk kepada Terma dan Syarat Akaun Pay&Save/Pay&Save-i. Kadar faedah/keuntungan Pay&Save/Pay&Save-i adalah tertakluk kepada had RM100,000 untuk setiap pelanggan.

13. Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua syarat kelayakan di atas dan kriteria dalam Klausa 11 dan 12 akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
14. Jumlah saiz dana untuk FD/FD-i Sertaan masing-masing adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**").

Jadual 2

Tempoh	Had Saiz Dana
12-bulan (Konvensional)	RM120 juta
12-bulan (Islamik)	RM30 juta

15. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan FD/FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD/FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.
16. Tiada Resit FD/FD-i akan dikeluarkan untuk setiap peletakan FD/FD-i.
17. Kadar faedah/keuntungan yang diperolehi bagi Akaun FD/FD-i Sertaan akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.

18. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD/FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD/FD-i masing-masing dan kadar faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
19. Tertakluk kepada Klausula 22 di dalam ini, bagi FD Konvensional, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan FD mengikut Klausula 22.
20. Tertakluk kepada Klausula 22 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan FD-i mengikut Klausula 22.
21. Tertakluk kepada Klausula 22 di dalam ini, bagi 'Priority Banking Premium FD' dan 'Senior Savers Flexi FD', pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja**. Walau bagaimanapun, jika baki dalam 'Priority Banking Premium FD' dan/atau 'Senior Savers Flexi FD' kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan FD mengikut Klausula 22.
22. Jika Amaun Peletakan FD dikeluarkan sebelum tarikh matang Tempoh FD, sama ada sepenuh atau sebahagian, faedah/keuntungan tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD/FD-i. Bagi mengelakkan sebarang kerahuan, faedah/keuntungan akan dikira dari baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
23. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan FD/FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang dari Akaun FD/FD-i Sertaan.
24. Pelanggan dengan produk FD-i bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.
25. Amaun Peletakan FD/FD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak kecuali Amaun Peletakan FD digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit konvensional (iaitu Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan HLB. Untuk pengaturann janji tersebut, Pelanggan Layak perlu merujuk kepada halaman produk Kad Kredit dengan Deposit Tetap.

UMUM

26. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD/FD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan;
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
 - (iv) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my/laman sesawang HLISB www.hlisb.com.my (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
 - (v) faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek ataupun manfaat semacamnya; dan
 - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

27. Bank berhak:
- (i) dengan notis awal kepada pelanggan, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma & Syarat terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
 - (ii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Umum Akaun, Terma dan Syarat Hong Leong Connect, dan terma dan syarat berkenaan bagi Akaun FD/FD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan.
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Kempen T&S dikesan.
28. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Umum Akaun, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan Terma dan Syarat berkenaan bagi Akaun FD/FD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Umum, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan Terma dan Syarat berkenaan bagi Akaun FD/FD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
29. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
30. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
31. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Terma dan Syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mail kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.